



Ruj. Kami : JPNWP.200-12/1/2 Jld.2 (1)
Tarikh : 21 Disember 2017

SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PELAWAAN PENDAFTARAN SYARIKAT BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SEKOLAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) mempelawa kepada syarikat tuan untuk menyertai pendaftaran syarikat bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah dan Institusi Pendidikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2018.
3. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak tuan berminat untuk mendaftar syarikat dengan JPWPKL, pihak tuan diminta membawa salinan sijil-sijil seperti sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan sijil-sijil yang berkaitan yang telah ditetapkan dalam syarat.
4. JPWPKL tidak terikat menawarkan kerja-kerja secara *requisition*/perolehan terus pada tahun 2018 kepada syarikat yang didaftarkan bergantung kepada peruntukan yang diturunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke JPWPKL. Bersama-sama ini dilampirkan kenyataan pendaftaran syarikat untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Encik Hafizal bin Ismail di talian 03-6204 6852. Kerjasama daripada pihak tuan sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(RUSNI BINTI AB. JALIL, KMW)

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.

s.k: Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

